

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]**

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah terma rujukan perbincangan untuk perjanjian bekalan air di antara Malaysia dan Singapura sebagai garis panduan perbincangan dan adakah terma rujukan tersebut telah dipersetujui kedua-dua belah pihak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tumpuan Malaysia dalam semakan harga air mentah yang dibekalkan kepada pihak Singapura adalah untuk mengenalpasti harga yang berpatutan (*fair price*). Harga air mentah yang dijual dengan kadar 3 sen berdasarkan Perjanjian Air Sungai Johor 1962 adalah sangat tidak munasabah.

3. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) sedang menjalankan kajian untuk mengenal pasti harga baharu yang berpatutan (*fair price*). Faktor-faktor yang sewajarnya dipertimbangkan termasuk *rise and fall in the purchasing power of money* seperti yang diperuntukkan dalam Klausa 14 Perjanjian Air Sungai Johor 1962. Sekian, terima kasih.